

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 SEPTEMBER 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3

Kerajaan laksana subsidi bersasar mulai tahun depan

Kerajaan laksana subsidi bersasar mulai tahun depan

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhlisulaiman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan menjalankan program subsidi bersasar boleh dilaksanakan sepuhnya mulai tahun depan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, tempoh itu ditetapkan setelah masa percubaan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) dilaksanakan November ini, sebelum dibuka kepada orang ramai untuk pengesahan kedudukan sosioekonomi masing-masing pada Januari depan.

"Selepas PADU diuji dan disahkan, dengan kita mencapai sasaran maklumat isi rumah



Keutamaaan kerajaan sekarang ialah maklumat sosioekonomi isi rumah kena lengkap dalam PADU."

sudah berada sepenuhnya di dalam sistem, maka ini membolehkan kerajaan membuat keputusan bila hendak mulakan subsidi bersasar.

"PADU akan melalui tempoh percubaan bermula Novem-

ber ini sebelum dibuka kepada orang ramai pada Januari 2024 untuk kegunaan pengesahan maklumat peribadi," kata beliau selepas pembentangan Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) di Dewan Rakyat semalam.

Menurut beliau, PADU akan menjadi pangkalan data menyeluruh kepada kerajaan dan selepas ini memastikan tiada rakyat terciri dari pada menerima bantuan.

"Keutamaan kerajaan sekarang ialah maklumat sosioekonomi isi rumah kena lengkap dalam PADU. Ini lebih penting berbanding guna kad pengenalan, pindahan (kredit) terus ke akaun atau mahu pakai pam,"

kata beliau.

Pada 15 Mei lalu, Anwar mengumumkan pembinaan PADU untuk menggabungkan maklumat sosioekonomi setiap isi rumah bagi mempermudah pelaksanaan subsidi bersasar.

Sementara itu, Rafizi berkata, tambahan peruntukan RM15 bilion dalam KSP RMK12, membolehkan kerajaan berbelanja lebih bagi membantu pulih dan meningkatkan kemudahan infrastruktur rakyat.

Katanya, peruntukan tambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM415 bilion yang telah dipersetujui mengambil kira jangkaan sasar dan defisit kekal 3.5 peratus menjelang 2025.



EKONOMI MADANI: MEMPERKASA RAKYAT

PEMACU UTAMA

1. Tatakelola dan rangka kerja institusi
2. Perundangan berkaitan rasuah.



MEMPERKUKUH KEMAMPUAN

3. Kemampuan fiskal dan sistem kewangan.
4. Industri HGHV berasaskan peralihan tenaga.
5. Subsidi bersasar.

MEMBANGUNKAN MASYARAKAT SEJAHTERA

6. Pembudayaan masyarakat MADANI
7. Reformasi perlindungan sosial.
8. Perumahan untuk rakyat.
9. Pengukuhan perkhidmatan kesihatan.
10. Pengukuhan keselamatan dan pertahanan negara.



MENCAPAI NEGARA BERPENDAPATAN TINGGI

11. Industri HGHV berasaskan teknologi dan digital.
12. Industri HGHV E&E bernilai tinggi.
13. HGHV pertanian dan industri asas tanah.
14. Industri HGHV nadir bumi
15. Pemerksaan PMKS dan perusahaan sosial.
16. Pengukuhan jaringan pengangkutan awam.
17. Ketersediaan bakat masa hadapan.